

UPM buktikan kuasa menembak SUKIPT

Oleh **AIZAWATI AHMAD**

sukan@utusan.com.my

SUBANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) mengukuhkan penguasaan di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan apabila meraih emas ketiga menerusi acara individu lelaki 10 meter *air pistol* pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT).

Dalam acara akhir semalam, penembak UPM, Liew Tack Fai menewaskan tujuh pesaing untuk merangkul pingat emas dengan kutipan mata keseluruhan 652.7.

Mengekori rapat di belakang atlet berusia 20 tahun itu ialah penembak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ahmad Zhafri Zamil yang membidik 651.6 mata iaitu hanya 1.1

mata dipisahkan daripada Tack Fai untuk pingat perak.

Pingat gangsa menjadi milik penembak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Jasmi Mohamad Zin setelah memungut 651 mata.

Tack Fai berkata, dia sama sekali tidak menjangkakan akan menang dalam acara *air pistol* kerana saingan yang diberi pencabarnya amat sengit.

"Saya tidak menduga akan menang emas kerana tumpuan saya adalah untuk membantu pasukan meraih kejayaan, itu sahaja," kata penembak pelapis kebangsaan itu ketika ditemui selepas berakhir acara akhir *air pistol* di sini, semalam.

Dalam acara berpasukan lelaki 10m *air pistol*, pasukan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mun-

cul juara dalam acara tersebut setelah mengumpul 1,607 mata.

Unisza diwakili tiga penembak Terengganu, Muhammad Hanif Hamid, 22, Nur Muhammad Izzuddin M. Azwi, 20 dan Muhammad Arif Razali, 22.

Pemenang pingat perak pula menjadi milik Kolej Komuniti Pahang yang diwakili Abdul Aziz Abdul Malek, Muhammad Ridhwan Roslan dan Syed Muhammad Haziquddin Syed Hamid yang berjaya mengutip 1,571 mata.

Barisan penembak UPM yang diperkuatkan dengan kehadiran Tack Fai, Mohd. Zul Fadzli Alias dan Muhammad Hassanul Adzhar Mohd. Badrin sekadar meraih gangsa dengan kutipan mata keseluruhan 1,556.



LIEW Tack Fai (tengah) bersama pemenang pingat perak acara 10m *air pistol*, Ahmad Zhafri Zamil (kiri) dan pemenang ketiga, Jasmi Mohamad Zin selepas acara akhir di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang, semalam.